



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN PELEPASAN BUTIRAN 1,
JADUAL KEDUA, PERINTAH CBP
(PELEPASAN) 2014**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 23 November 2015

Panduan Pelaksanaan Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 disemak pada 3 Jun 2015 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Pelaksanaan Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 disemak pada 23 November 2015.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2015 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	4
2.0	TUJUAN	4
3.0	TAKRIFAN	4
4.0	PROSEDUR PELAKSANAAN	5
5.0	TINDAKAN ORANG BERDAFTAR YANG DIBERI KELULUSAN PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP	10
6.0	KESIMPULAN	12
	LAMPIRAN A	13
	LAMPIRAN B	15
	LAMPIRAN B1	16
	LAMPIRAN C	17
	LAMPIRAN C1	18
	LAMPIRAN D	19
	LAMPIRAN E	21
	LAMPIRAN F	22
	LAMPIRAN G	24

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Di bawah Seksyen 56 (1), Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014, Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta* dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan, melepaskan mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai yang boleh dikenakan dan dilevi ke atas apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan atau apa-apa pengimportan barang atau kelas barang.
- 1.2 Sehubungan itu, mana-mana orang diberi pelepasan di bawah Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 daripada mengenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat dalam acara penjanaan dana tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Panduan ini dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang berdaftar CBP untuk memohon pelepasan daripada mengenakan CBP ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh orang yang berdaftar dalam acara penjanaan dana di bawah Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

3.0 TAKRIFAN

- 3.1 **Penjanaan dana (*Fund-raising*)** ditakrifkan sebagai aktiviti merayu atau memohon sumbangan wang tunai, barang dan perkhidmatan ataupun penajaan aktiviti.
- 3.2 Bagi tujuan CBP, **acara penjanaan dana** merujuk kepada acara yang layak diberi pelepasan daripada mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai yang dijual atau disediakan semasa acara penjanaan dana.

- 3.3 **Acara yang layak** (*qualifying event*) adalah bagi tujuan amal kebajikan (*charitable purpose*) dan tidak bermotifkan keuntungan.
- 3.4 **Tujuan amal kebajikan** (*charitable purpose*) merujuk kepada program/aktiviti seperti membantu masalah kemiskinan, kegiatan seni budaya, belia, sukan, agama, kesihatan, kegiatan menghapuskan jenayah dan aktiviti-aktiviti berunsur perikemanusiaan bersifat *regional* atau nasional dan juga antarabangsa seperti kebakaran, banjir, gempa bumi dan sebagainya.
- 3.5 **Mana-mana orang** merujuk kepada mana-mana orang yang telah mendapat kelulusan/permit daripada pihak berkuasa yang berkaitan untuk penjanaan dana ataupun telah dilesenkan di bawah Akta Pungutan Rumah Ke Rumah Dan Di Jalan 1947 (disemak 1978) bagi menjalankan kutipan derma daripada orang awam.
- 3.6 **Pihak berkuasa** merujuk kepada sesebuah badan yang mengawal atau mempunyai kuasa untuk mengeluarkan permit atau kelulusan berkaitan dengan penganjuran acara penjanaan dana.

4.0 PROSEDUR PELAKSANAAN

- 4.1 Pertimbangan untuk mendapatkan pelepasan daripada mengenakan CBP hanya akan diberikan kepada **mana-mana orang** yang telah memperolehi **kelulusan** atau **permit** penjanaan dana daripada pihak berkuasa berkaitan.

Contoh 1

- (i) untuk kegiatan seni budaya daripada Kementerian Kebudayaan
- (ii) untuk kebajikan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat
- (iii) untuk rawatan pesakit kronik daripada Kementerian Kesihatan
- (iv) untuk kemajuan pelajaran daripada Kementerian Pendidikan
- (v) untuk aktiviti agama daripada Majlis Agama Islam dan lain-lain badan keagamaan

4.2 Mana-mana orang yang **diluluskan** oleh pihak berkuasa yang berkaitan untuk menjalankan penajaan dana bagi tujuan amal kebajikan seperti di bawah Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 layak memohon tertakluk kepada **syarat-syarat** berikut:

- (i) pemohon adalah orang berdaftar di bawah CBP;
- (ii) pemohon tidak terlibat dalam aktiviti perniagaan penajaan dana;
 - a) acara penajaan dana adalah untuk tujuan amal kebajikan sahaja ; dan
 - b) acara penajaan dana hendaklah dianjurkan sendiri oleh pemohon. Penyumberan luar (*outsourcing*) tidak dibenarkan.
- (iii) pelepasan daripada mengenakan CBP ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan bercukai dihadkan kepada empat (4) kali atau kurang dalam tahun kalendar yang sama. Penetapan empat (4) kali setahun adalah tertakluk kepada tempoh, kawasan dan acara penajaan dana yang diadakan. Di antaranya adalah seperti berikut ;
 - a) satu permohonan yang dikemukakan bagi acara penajaan dana yang sama dan dijadualkan pada tarikh yang sama tetapi dibuat di empat (4) lokasi/kawasan yang berlainan secara serentak adalah dikira sebagai empat (4) permohonan dalam tahun yang sama;

Contoh 2

'Acrobatic Event' diadakan pada 1 Jan 2016 yang melibatkan empat (4) lokasi di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Melaka.

- b) satu permohonan yang dikemukakan bagi acara penajaan dana yang sama tetapi dijadualkan pada tarikh yang berlainan.

Contoh 3

'Acrobatic Event' diadakan pada 1 Jan 2016, 1 April 2016, 1 Julai 2016 dan 1 Disember 2016 di Kuala Lumpur dalam tahun yang sama; atau

- c) satu permohonan yang dikemukakan bagi acara yang berlainan tetapi dijadualkan pada tarikh yang sama pada dua (2) lokasi yang berlainan.

Contoh 4

Dua (2) acara 'Acrobatic Event' dan acara Majlis Makan Malam melibatkan 2 lokasi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang pada 1 Jan 2016 dalam tahun yang sama.

- (iv) acara penajaan dana tidak mengandungi unsur-unsur perjudian; dan
- (v) hasil/pendapatan daripada acara penajaan dana hendaklah disumbangkan seratus peratus (100%) kepada kumpulan sasaran. Hasil penajaan dana tidak boleh digunakan untuk perbelanjaan pentadbiran dan operasi oleh sesebuah pertubuhan/penjana dana termasuk perbelanjaan menguruskan sesuatu aktiviti penajaan dana yang dikelolakan oleh pertubuhan/penjana dana.

4.3 Lain-lain syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- (i) pemohon dikehendaki mengemukakan surat atau apa-apa dokumen yang menyatakan mereka diberi pelepasan daripada membayar cukai pendapatan; dan

- (ii) terdapat peruntukan dalam perundangan pertubuhan (pemohon) untuk mengutip derma atau menjalankan aktiviti penjanaan dana bagi tujuan amal kebajikan;

4.4 Pembekalan Yang Diberi Pelepasan

4.4.1 Pembekalan yang layak

4.4.1.1 Semua barang layak diberi pelepasan daripada pengenaan CBP **kecuali** wain, spirit, bir, minuman keras yang memabukkan, minuman keras malt, tembakau dan produk tembakau, barang kemas, logam berharga, petroleum, kenderaan bermotor dan barang-barang yang diperolehi tanpa CBP di bawah Butiran 7 dan 8 Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) 2014.

4.4.1.2 Semua perkhidmatan layak diberi pelepasan daripada pengenaan CBP **kecuali** penginapan dan perkhidmatan yang bertentangan dengan ajaran agama, nilai-nilai etika dan tatasusila serta norma budaya.

4.5 Acara Penjanaan Dana

4.5.1 Acara penjanaan dana yang **layak** untuk dipertimbangkan.

Contoh 5

- (i) Makan Malam / Makan Tengahari / *Barbecue*
- (ii) Persembahan
- (iii) Tayangan Filem
- (iv) *Holticultural Show*
- (v) *Exhibition – Art, History, Science*

- (vi) *Jualan Mega – Jumble Sale*
- (vii) *Sporting Participation – Walkathon, Marathon, Golf Tournamet, dan lain-lain*
- (viii) *Contest or Quiz*
- (ix) *Participation endurance event – treasure hunt*
- (x) *Firework display*

4.5.2 Acara penjaan dana yang **tidak layak** untuk dipertimbangkan.

Contoh 6

- (i) Acara penjaan dana yang dibuat melebihi empat (4) kali setahun.
- (ii) Acara penjaan dana yang dibuat bagi tujuan menampung perbelanjaan dan operasi organisasi.
- (iii) Acara penjaan dana yang merupakan aktiviti sosial tahunan untuk ahli organisasi ataupun sempena mesyuarat agung tahunan.
- (iv) Aktiviti jualan barang bagi tujuan perniagaan.

4.5.3 Bagi permohonan acara penjaan dana untuk mendapat pelepasan daripada mengenakan CBP di bawah Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang melebihi had 4 kali setahun dalam tahun kalendar yang sama tidak diluluskan melainkan setelah mendapat kelulusan secara bertulis dari Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan.

4.6 Dokumen Yang Perlu Dikemukakan

4.6.1 Dokumen yang perlu dikemukakan oleh orang berdaftar yang menganjurkan acara penjaan dana adalah seperti berikut:

- (i) surat permohonan secara bertulis kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan menyertakan maklumat berdasarkan format seperti di **LAMPIRAN A**;
- (ii) salinan kelulusan/permit menjalankan kutipan derma atau sumbangan; dan
- (iii) senarai lengkap barang atau perkhidmatan bercukai yang akan dijual/disediakan semasa acara penjanaan dana yang layak seperti di **LAMPIRAN C** (sila rujuk contoh di **LAMPIRAN C1**).

4.6.2 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Kastam Negeri (Bahagian GST) stesen yang mengawal mengikut tempat/pejabat di mana ibu pejabat (*headquarter*) pemohon ataupun orang berdaftar CBP berada/beroperasi. Senarai alamat pejabat-pejabat JKDM adalah seperti di **LAMPIRAN F**.

4.6.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada Pengarah Kastam Negeri dalam tempoh dua (2) bulan sebelum acara penjanaan dana diadakan.

5.0 TINDAKAN ORANG BERDAFTAR YANG DIBERI KELULUSAN PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP

5.1. Penganjur hendaklah mengeluarkan invois cukai dengan membuat catatan seperti berikut :

"Dilepaskan daripada mengenakan CBP bagi pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di bawah Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pelepasan) 2014".

(sila rujuk **LAMPIRAN B**);

- 5.2. Bagi kes di mana tiket/kupon dikeluarkan, catatan seperti di atas boleh dicatat/dicop getah (*rubber stamp*) pada kupon/tiket (sila rujuk **LAMPIRAN B1**);
- 5.3. Barang atau perkhidmatan yang diberi pelepasan CBP yang tidak digunakan dalam acara penjanaan dana tidak boleh dilupuskan, dijual, atau dipindahkan dalam negara atau tidak diakaunkan, dengan syarat CBP telah dibayar ke atas barang dan perkhidmatan tersebut. Rekod penggunaan pembekalan barang dan perkhidmatan yang diluluskan hendaklah disimpan oleh penganjur seperti di **LAMPIRAN D** (sila rujuk contoh di **LAMPIRAN D1**). Satu salinan hendaklah dikemukakan kepada stesen yang mengawal;
- 5.4. Menyimpan rekod berkaitan pembekalan yang tidak dikenakan CBP yang melibatkan tuntutan cukai input dan menyimpan rekod pemberian hasil/pendapatan acara penjanaan dana yang telah diluluskan kepada penerima dana bagi tujuan pemeriksaan/pengauditan pegawai CBP selama tujuh (7) tahun (sila rujuk **LAMPIRAN E**).
- 5.5. Menghantar laporan kutipan dan agihan dana bagi acara penjanaan dana kepada stesen yang mengawal dalam tempoh dua bulan selepas acara penjanaan dana berakhir (sila rujuk **LAMPIRAN G**);
- 5.6. Pembekalan barang peringatan (*commemorative goods*) dan cenderamata yang dijual selepas acara penjanaan dana yang diberi kelulusan pelepasan contohnya; rakaman video dan audio mengenai aktiviti itu, baju-T, mugs dan sebagainya adalah tertakluk kepada CBP; dan
- 5.7. Mengikrar dalam Butiran 13, Bahagian C, Penyata GST-03, jumlah nilai pembekalan yang diberi pelepasan daripada pengenaan CBP.

6.0 KESIMPULAN

- 6.1 Panduan ini dapat digunakan sebagai panduan bagi pelaksanaan pelepasan CBP di bawah Butiran 1, Jadual Kedua, Perintah CBP (Pelepasan) 2014 Mengenai Penjanaana Dana.
- 6.2 Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor I

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

E-mel : gstsector1@customs.gov.my.

LAMPIRAN A

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBUAT DALAM AKTIVITI PENJANAAN DANA DI BAWAH BUTIRAN 1, JADUAL KEDUA, PERINTAH CBP (PELEPASAN) 2014

I. Butir - butir Pemohon:

- (a) Nama Syarikat :
- (b) No. CBP:
- (c) No. Pelepasan Cukai Pendapatan:
- (d) Alamat:
.....
.....
- (e) Telefon:
- (f) No. Faks:

II. Butir - butir Acara Penjanaan Dana

- (a) Sila tandakan (✓) pada kotak yang berikut:

- ☐ Permohonan kali pertama
- ☐ Permohonan kali kedua*
- ☐ Permohonan kali ketiga*
- ☐ Permohonan kali keempat*

*Nota: Bagi permohonan kali kedua dan seterusnya, **LAMPIRAN G** hendaklah dikemukakan.

- (i) Dilampirkan **LAMPIRAN G** untuk aktiviti penjanaan dana yang telah diluluskan:

- ☐ Ya
- ☐ Tidak (alasan:.....)

- (b) Nama acara:
- (c) Tarikh mula dan tamat acara:.....
- (d) Tempat acara (*alamat lengkap*):
.....

(e) Tujuan acara penjanaan dana:

.....
.....
.....

(f) Hasil penjanaan dana disalurkan/diagihkan kepada:
(senaraikan nama pihak/kumpulan sasar yang menerima)

.....
.....
.....

(g) Permit penganjuran daripada pihak berkuasa (cth; PDRM):
(sertakan surat kelulusan)

.....
.....
.....

(h) Senarai syarikat/individu yang menaja acara:

.....
.....
.....

III. Akuan Pemohon

Saya mengaku bahawa segala maklumat/ dokumen yang diikrarkan dalam borang ini adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diikrarkan adalah palsu, kelulusan yang diberi akan dibatalkan dan saya dikehendaki meremitkan CBP yang berkaitan kepada JKDM.

Tandatangan Pemohon :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi syarikat/entiti :

LAMPIRAN B

CONTOH CUKAI INVOIS BAGI PEMBEKALAN YANG DIBERI PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

The words "Tax Invoice" **TAX INVOICE** Tax Invoice serial number

YAYASAN IMPIAN
GF1-03, Kompleks THB,
Jalan Kenangan, 41100
Kuala Lumpur
(GST ID No : 100001123456)
Tel : 03-33498765

Invoice No: 1111
Date : 25 June 2015

Supplier's name, address and GST identification number

No.	Description	Total (RM)
1.	Advertising slot in YAYASAN IMPIAN MAGAZINE (consideration for cash donation received)	5,000.00
Total Sales		5,000.00
GST @ 6%		Nil
Total Amount Payable		5,000.00

Description of goods or services supplied

Rate of GST

GST relief

[Relief given from charging GST for supply of goods or services made under Item 1, Second Schedule of GST (Relief) Order) 2014]

Total amount payable exclusive GST

Total Amount of GST charged

YAYASAN IMPIAN

LAMPIRAN B1

CONTOH TIKET/KUPON BAGI PEMBEKALAN YANG DIBERI PELEPASAN
DARIPADA MENGENAKAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN BARANG ATAU
PERKHIDMATAN

No: 0000001	YAYASAN IMPIAN GF1-03, Kompleks THB, Jalan Kenangan, 41100 Kuala Lumpur (GST ID No : 100001123456) Tel : 03-33498765	RM100 (value exclusive of GST 6%)	No: 0000001
ANTIQUES FAIR (FOR FUND RAISING EVENT) 04 July 2015, 09.00 AM, PICC PUTRAJAYA			YAYASAN IMPIAN ANTIQUES FAIR (FUND RAISING EVENT) 04 July 2015, 09.00 AM PICC PUTRAJAYA Fee: RM100.00 (value exclusive of GST 6%) [Relief given from charging GST for supply of goods or services made under Item 1, Second Schedule of GST (Relief) Order 2014]
ADMISSION TICKET [Relief given from charging GST for supply of goods or services made under Item 1, Second Schedule of GST (Relief) Order 2014]			

GST relief

LAMPIRAN C

**SENARAI PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBUAT
DALAM ACARA PENJANAAN DANA**

Nama acara:

Tarikh mula dan tamat acara:

Tempat acara:

I. Pembekalan barang

Bil	Jenis Barang	Tujuan/Kegunaan	Kuantiti (Unit)	Nilai (RM)	Sumber Perolehan (Beli/Diderma/Barang Siap)	Tindakan JKDM (LULUS/TIDAK LULUS)
1.						
2.						

II. Pembekalan perkhidmatan

Bil	Jenis Perkhidmatan	Tujuan/Kegunaan	Kuantiti (Unit)	Nilai (RM)	Sumber Perolehan (Beli/Diderma/Perkhidmatan Sendiri)	Tindakan JKDM (LULUS/TIDAK LULUS)
1.						
2.						

Nota:

- i. Bagi penajaan berbentuk wang atau barang jika penaja tidak menerima apa-apa manfaat daripada penajaan tersebut, adalah tidak tertakluk kepada CBP. Jika sekiranya penaja menerima manfaat, samada dalam bentuk barang atau perkhidmatan, maka penajaan (balasan) tersebut tertakluk kepada CBP.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

(Diisi oleh stesen pengawal)

No. rujukan:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

(Cop rasmi)

Tarikh:

LAMPIRAN C1

**SENARAI PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN YANG DIBUAT
DALAM ACARA PENJANAAN DANA**

Nama acara: **New Year Penang Bridge Walkathon 2016**

Tarikh mula dan tamat acara: **1 Januari 2016**

Tempat acara: **Jambatan Pulau Pinang**

I. Pembekalan barang

Bil	Jenis Barang	Tujuan/Kegunaan	Kuantiti (Unit)	Nilai (RM)	Sumber Perolehan (Beli/Diderma/Barang Siap)	Tindakan JKDM (LULUS/TIDAK LULUS)
1.	Air Mineral	Diberi pada peserta aktiviti "Walkathon"	1000	1000	Diderma	
2.	Mug dengan logo aktiviti	Cenderamata kepada penderma	500	500	Dibeli	

II. Pembekalan perkhidmatan

Bil	Jenis Perkhidmatan	Tujuan/Kegunaan	Kuantiti (Unit)	Nilai (RM)	Sumber Perolehan (Beli/Diderma/Perkhidmatan Sendiri)	Tindakan JKDM (LULUS/TIDAK LULUS)
1.	Ruang Pengiklanan	Siaran nama penderma/penaja di dalam baju-T.	1000	10000	Diderma	
2.	Yuran Penyertaan	Kemasukan ke acara penajaan dana	450	4500	Diderma	

Nota:

- i. Bagi penajaan berbentuk wang atau barang jika penaja tidak menerima apa-apa manfaat daripada penajaan tersebut, adalah tidak tertakluk kepada CBP. Jika sekiranya penaja menerima manfaat, samada dalam bentuk barang atau perkhidmatan, maka penajaan (balasan) tersebut tertakluk kepada CBP.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

(Diisi oleh stesen pengawal)

No. rujukan:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

(Cop rasmi)

Tarikh:

LAMPIRAN D
REKOD PENGGUNAAN BAGI PEMBEKALAN YANG DIBERI PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP KE ATAS
PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

Nama acara:
 Tarikh mula dan tamat acara:
 Tempat acara:

Bil	Jenis Barang & Perkhidmatan	Tujuan/ Kegunaan	Kuantiti (Unit)	Nilai (RM)	Barang yang dibekalkan dalam acara penajaan dana	Baki	Nilai (RM)	Tindakan (Dijual/ Diderma/ Dilupuskan/ Digunakan sendiri)
1.								
2.								

Saya mengaku bahawa segala maklumat/ dokumen yang diikrarkan dalam borang ini adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diikrarkan adalah palsu, kelulusan yang diberi akan dibatalkan dan saya dikehendaki meremitkan CBP yang berkaitan kepada JKDM.

Tandatangan Pemohon :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi syarikat/entiti :

LAMPIRAN D1

REKOD PENGGUNAAN BAGI PEMBEKALAN YANG DIBERI PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP KE ATAS PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

Nama acara: New Year Penang Bridge Walkathon 2016
Tarikh mula dan tamat acara: 1 Januari 2016
Tempat acara: Jambatan Pulau Pinang

Bil	Jenis Barang & Perkhidmatan	Tujuan/ Kegunaan	Kuantiti (Unit)	Nilai (RM)	Barang yang dibekalkan dalam acara penajaan dana	Baki	Nilai (RM)	Tindakan (Dijual/ Diderma/ Dilupuskan/ Digunakan sendiri)
1.	Air Mineral	Diberi pada peserta aktiviti "Waikathon"	1000	1000	950	50	50	Dijual (Air mineral yang dijual tertakluk kepada GST)
2.	Mug dengan logo aktiviti	Cenderamata kepada penderma	500	500	490	10	10	Diderma (Tertakluk kepada Gift-Rule)
3	Ruang Pengiklanan	Siaran nama penderma/penaja di dalam baju-T.	1000	10000	970	30	300	Dijual (Baju-T yang dijual tertakluk kepada GST) Diderma (Tertakluk kepada Gift-Rule)
4	Yuran Penyertaan	Kemasukan ke acara penajaan dana	450	4500	450	Nil	Nil	NA

Saya mengaku bahawa segala maklumat/ dokumen yang diikrarkan dalam borang ini adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diikrarkan adalah palsu, kelulusan yang diberi akan dibatalkan dan saya dikehendaki meremikan CBP yang berkaitan kepada JKDM.

Tandatangan Pemohon :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi syarikat/entiti :

LAMPIRAN E

SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DISIMPAN DENGAN BAIK UNTUK TUJUAN AUDIT OLEH JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

- (i) Surat kelulusan asal oleh Pengarah Kastam Negeri;
- (ii) Invois cukai yang dikeluarkan semasa acara penjanaan dana (**LAMPIRAN B**) ;
- (iii) Bukti-bukti acara yang layak telah dilaksanakan seperti bahan publisiti, keratan tiket, kupon, risalah, dan sebagainya;
- (iv) Rekod penggunaan bagi pembekalan yang diberi pelepasan daripada mengenakan CBP ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan (**LAMPIRAN D**); dan
- (v) Laporan kutipan dan agihan dana bagi acara penjanaan dana yang diberi kelulusan pelepasan daripada mengenakan CBP (**LAMPIRAN G**).

ALAMAT PEJABAT-PEJABAT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Pengarah Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kompleks Kastam WPKL No. 22, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya Selangor Tel: 03-7884 0801 Faks: 03-7804 5116 Emel: jkdmpwpl@customs.gov.my	
Pengarah Kastam Negeri Selangor Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam Selangor, Pulau Indah 42907 Pelabuhan Klang, Selangor Tel: 03-3101 3102 Faks: 03-3101 3121 Emel: jkdmselangor@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Perak Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam, No.1 Jalan Kinta Off Jalan Tun. Abd. Razak 30100 Ipoh, Perak No. Tel : 05-5274 322 No. Fax : 05-5275 884 Emel: jkdmp perak@customs.gov.my
Pengarah Kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran KLIA 64000 Sepang, Selangor Tel: 03-8776 8055 Faks: 03-8776 8151 Emel: jkdmklia@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Pulau Pinang Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam, Gat Leboh Cina 10300 Pulau Pinang Tel: 04-2619 933 Faks: 04-2625 178 Emel: jkdmp pinang@customs.gov.my
Pengarah Kastam Negeri Sabah Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam, Jalan Haji Saman 88956 Kota Kinabalu, Sabah Tel: 088-233723 Faks: 088-242160 Emel: jkdmsabah@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Sarawak Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Medan Raja, Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub 93050 Kuching, Sarawak Tel: 082-333100 Faks: 082-332204 Emel: jkdmsarawak@customs.gov.my

Pengarah Kastam Negeri Johor Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Menara Kastam Johor Karung Berkunci No. 780 80990 Johor Bahru, Johor Tel: 07-2202 200 Faks: 07-2277655 Emel: jkdmmjohor@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Sembilan Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam, Jalan Paroi-Senawang Karung Berkunci No.16 70450 Seremban, Negeri Sembilan Tel: 06-6793 707 Fax:06-6793 666 Emel: jkdmmn9@customs.gov.my
Pengarah Kastam Negeri Melaka Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam Negeri Leboh Ayer Keroh Peti Surat 92, 75450 Melaka Tel: 06-2325 855 Faks: 06-2311 823 Emel: jkdmmmelaka@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Terengganu Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam, Jalan Balik Bukit 20300 Kuala Terengganu, Terengganu Tel: 09-6204 776 Faks: 09-6223 828 Emel: jkdmmterengganu@customs.gov.my
Pengarah Kastam Negeri Kedah Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Persiaran Sultan Abdul Hamid 05050 Alor Setar, Kedah Tel: 04-7720 003 Faks:04-7720 004 Emel: jkdmmkedah@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Perlis Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kompleks Kastam, Jalan Kampong Pondok 01000 Kangar, Perlis Tel: 04-9760 977 Faks: 04-9765 014 Emel: jkdmmperlis@customs.gov.my
Pengarah Kastam Negeri Kelantan Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Jalan Sultan 15000 Kota Bahru, Kelantan Tel: 09-7481 508 Faks: 09-7477 002 Emel: jkdmmkelantan@customs.gov.my	Pengarah Kastam Negeri Pahang Bahagian GST Jabatan Kastam Diraja Malaysia Wisma Kastam, Jalan Bank, Peti Surat 20 25700 Kuantan, Pahang Tel: 09-5163 517 Faks: 09-5163 513 Emel: jkdmpahang@customs.gov.my

LAMPIRAN G**LAPORAN KUTIPAN DAN AGIHAN DANA BAGI ACARA PENJANAAN DANA
YANG DIBERI KELULUSAN PELEPASAN DARIPADA MENGENAKAN CBP**

Nama acara:	
Tarikh mula dan tamat acara:	
Tempat acara:	
Rujukan surat kelulusan JKDM:	
Kutipan (RM):	
Agihan Kepada Penerima Dana:	i) ii) iii)
Bukti Pengesahan Penerima Dana Oleh Badan Amal	i) ii) iii)

Saya mengaku bahawa segala maklumat/ dokumen yang diikrarkan dalam borang ini adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diikrarkan adalah palsu, kelulusan yang diberi akan dibatalkan dan saya dikehendaki meremitkan CBP yang berkaitan kepada JKDM.

Tandatangan Pemohon :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Rasmi syarikat/entiti :